

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR
[TUMPAT]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah rumah untuk mangsa banjir Kelantan yang telah siap dan apakah punca utama kesemua rumah belum siap hingga sekarang.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Di negeri Kelantan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kelantan telah mengenal pasti 1,827 unit Rumah Kekal Baharu (RKB) yang perlu dibina untuk mangsa-mangsa banjir. Dari jumlah tersebut, Kerajaan Persekutuan akan membina 1,255 unit RKB manakala Kerajaan Negeri Kelantan akan membina 572 unit.

Sehingga 20 Oktober 2015, sebanyak 148 unit RKB yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan telah siap dan diserahkan kepada mangsa-mangsa banjir yang layak. Pada masa yang sama, sebanyak 289 unit sedang dalam peringkat pembinaan dan 44 unit lagi dalam peringkat pra-bina.

Selain itu, 774 unit rumah lagi telah disediakan tapak untuk dimulakan pembinaan pada pertengahan Oktober 2015 dan dijangka siap pada bulan Januari 2016. Kelewatan memulakan pembinaan adalah disebabkan pengambilan tanah persendirian untuk pembinaan RKB berkelompok baru diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan pada 14 Oktober 2015. Selain itu, kelulusan menggunakan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan juga baru diperolehi. Pembinaan RKB tersebut sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Machang dan Pasir Mas.

Sekian. Terima kasih.